SOALAN NO : 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL (PANDAN)

TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan data berhubung jumlah permohonan yang telah dikemukakan kepada Jabatan Pendaftaran Negara di bawah Perkara 15 (2) bagi tahun 2020 dan 2021, khusus bagi permohonan kewarganegaraan oleh wanita Malaysia untuk anaknya yang dilahirkan di luar negara dan berkahwin dengan warga asing.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2020 sehingga 11 Oktober 2021, sebanyak **444 permohonan** kewarganegaraan diterima di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan yang dibuat oleh ibu warganegara Malaysia yang berkahwin dengan pasangan bukan warganegara untuk anaknya yang dilahirkan di luar negara.